

Pelajar M'sia di Aceh berjaga-jaga
Malaysiakini.com
April 7, 2010

Pelajar dan pensyarah Malaysia di Aceh diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan kejadian gempa bumi yang berlaku di Sinabang, pada jam 5.15 pagi tadi.

Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Indonesia Datuk Dr Junaidy Abu Bakar berkata mereka semua selamat dan belum ada tanda-tanda berlakunya tsunami setakat ini.

"Saya telah menghubungi pemimpin pelajar Aceh dan pensyarah, mereka semua selamat dan buat masa ini semua pelajar dapat mengikuti kuliah dengan aman," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau juga meminta mereka supaya terus berjaga-jaga dengan ancaman tsunami, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan kira-kira 10km dari pantai.

"Saya telah mengarahkan mereka supaya mengikuti prosedur kecemasan sekiranya ada arahan berpindah oleh pihak berkuasa tempatan," katanya.

Junaidy berkata terdapat 165 pelajar Malaysia yang terdiri daripada 130 pelajar tahun akhir dan selebihnya tahun satu, dua dan tiga yang menuntut di Universitas Islam Negeri ArRaniri.

Beliau berkata pihaknya akan melaporkan situasi terkini keadaan di sana dari semasa ke semasa.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/128522>